

'Kritikan Annan tidak ubah PBB'

Oleh Kadir Dikoh

BH 11/9/03

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak yakin kritikan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan terhadap Majlis Keselamatan badan dunia itu akan membawa sebarang perubahan dalam organisasi itu.

Sebaliknya, Perdana Menteri ber-

kata, apa yang dikatakan Annan itu sudah dinyatakan beliau dalam ucapan pertamanya di PBB (29 September 1982) yang menekankan perlunya badan itu bersikap demokratik dalam erti kata sebenar.

"Dari awal-awal lagi saya kata, sementara kita dikehendaki menjadi demokrasi dan demokratik, sebenarnya negara maju tidak demokratik dalam masalah antarabangsa.

"Tiada kehendak politik untuk melakukan sesuatu. Dia tahu apa sebabnya kita harus tertakluk kepada keputusan perang 50 tahun lalu.

"Saya tak nampak nak berubah. Saya nampak mereka akan belakangkan lagi PBB kerana kita bagi kuasa veto kepada mereka, mereka sendiri tidak hormat kuasa veto... apa ada makna lagi. Kita pergilah ... kita bercakap ... ia adalah organisasi

cakap kosong (talkshop)," katanya.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Annan yang mengkritik Majlis Keselamatan badan dunia itu kerana tidak demokratik dan mewakili struktur kuasa dunia yang sudah lapuk.

Annan juga berkata, Perhimpunan Agung tidak mempunyai rancangan

LIHAT MUKA 2 ►

Agenda PBB 'cerita lama'

► DARI MUKA 1

dan saiznya yang besar mewujudkan agenda yang bertindih serta tidak menguntungkan semua anggota. Keputusan Perhimpunan Agung juga tidak dipedulikan banyak negara anggota dan perdebatannya 'cerita lama dan tidak bernas'.

Dr Mahathir yang akan mengahdiri Perhimpunan Agung PBB lewat bulan ini, berkata badan dunia itu tahu apa yang perlu dilakukan supaya ia dapat berfungsi dengan lebih berkesan dan menggambarkan kehendak sebahagian besar masyarakat dunia.

"Persoalannya sekarang adakah mereka mahu melakukannya," katanya.

Ditanya sama ada kuasa veto harus dihapuskan, Dr Mahathir berkata, negara besar tidak mungkin melepaskan kuasa veto, tetapi perubahan kepada kuasa itu dapat mengubah ketidakadilan sekarang.

"Katalah kalau dua ahli tetap Majlis Keselamatan dan tiga anggota lain bersetuju menghentikan sesuatu, ia boleh ditimbang. Sekarang satu negara menghalang 180 negara lain.

"Adalah sangat tidak demokratik untuk satu negara tidak kira sebesar mana pun membelakangkan ke-

hendak 180 negara lain," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia berpendapat pemberian kuasa veto kepada salah satu negara Islam dapat memastikan negara Islam tidak ditindas.

"Kita tidak percaya kepada kuasa veto kerana jika ada wakil negara Islam, agama lain seperti Buddha dan Kristian akan meminta hak sama.

"Sebab itu kita tak tekankan mengenai negara Islam sebaliknya kita boleh ambil kira mengenai negara membangun patut diberi suara," katanya.

Ditanya sama ada kenyataan Annan itu ikhlas, Dr Mahathir berkata: "Kita sokong penuh Kofi Annan."

Dr Mahathir bagaimanapun berpendapat kritikan itu agak terlewat.

"Saya berpendapat ia lewat. Ia sepatutnya dikatakan lama dulu. Bagaimanapun kita gembira beliau (Annan) berkongsi pandangan dengan kita," katanya.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, menyambut baik kenyataan Annan itu kerana perkara sama sudah diperjuangkan negara sejak dulu lagi.

"Kita memperjuangkan mengenai kekurangan demokrasi, ketelusan dan mereka yang melaukan demokrasi tidak melaksanakan demokrasi dalam organisasi yang sepatutnya mewakili seluruh dunia," katanya.

Ditanya sama ada kritikan itu akan membawa kesan, Syed Hamid berharap ia akan memulakan satu perjuangan kepada perubahan.

Sementara itu, Wakil Khas PBB ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail menganggap kritikan terhadap Majlis Keselamatan badan dunia itu oleh Annan sebagai amat tepat.

Katanya, banyak negara termasuk Malaysia turut bersetuju dengan pendapat yang diluahkan oleh Annan.

"PBB tidak boleh sepenuhnya menjadi demokratik yang sebenar kecuali lima anggota tetapnya di Majlis Keselamatan, dengan satu paling berkuasa, belajar untuk berkongsi (kuasa veto) dengan yang lain," katanya ketika dihubungi.

Lima anggota tetapnya ialah Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Russia dan China.

Razali berkata, mesti ada tempat untuk negara anggota lain selain daripada lima anggota itu, untuk diberi peluang adil dan saksama bagi menyuarakan pendapat terutama mengenai isu penting seperti keamanan, keselamatan dan perdamaian.

"Tindakan tidak seharusnya diambil oleh mana-mana satu daripada lima negara itu saja... ini yang menyebabkan PBB begitu lemah," katanya yang pernah menjadi Wakil Tetap Malaysia ke PBB selama 10 tahun.

Beliau pernah dua kali menjadi Presiden Majlis Keselamatan badan dunia itu apabila Malaysia dipilih sebagai anggota bukan tetap majlis itu selain pernah dilantik Naib Presiden kepada Majlis Pembangunan Ekonomi dan Sosial PBB.

Beliau juga pernah menjadi Presiden Perhimpunan Agung badan dunia itu.